

12/12/1999

Chia puas hati dilantik Setiausaha Parlimen

GEORGETOWN: Ahli Parlimen Bukit Bendera, Chia Kwang Chye berpuas hati dengan pelantikannya sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, walaupun sebelum pilihan raya lalu, ada pihak berjanji beliau akan dilantik sebagai Timbalan Menteri.

Tanpa menghiraukan janji yang dibuat Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Chia berkata beliau tetap berpuas hati dengan kejayaan menumpaskan bekas Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang.

"Ia adalah batu loncatan utama untuk saya terus mempertingkatkan diri dalam politik negara. Jadi soal jawatan itu tidak perlu ditimbulkan di sini," katanya kepada Berita Minggu ketika diminta mengulas berhubung pelantikan itu di sini, semalam.

Menurut Chia, beliau tidak pernah menyangka Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberikan amanah yang begitu besar kepada dirinya.

"Bagaimanapun saya tetap akan mencuba sedaya upaya untuk memastikan tanggungjawab yang diserahkan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya," katanya.

Chia berkata, beliau tidak pernah menyangka dirinya akan turut dipilih untuk menganggotai barisan Kabinet baru itu memandangkan sebelum ini beliau tidak pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Menurutnya, pengalaman dan kepakaran peribadinya dalam bidang teknologi maklumat (IT) akan dimanfaatkan sepenuhnya dalam melaksanakan tugas sebagai Setiausaha Parlimen di samping membawa negara ke tahap yang lebih membanggakan dalam pembangunan multimedia.

Chia yang mempunyai syarikat komputer yang dikongsi bersama beberapa rakan sejak 1983, berkata langkah pertama yang bakal diambilnya ialah untuk membentuk 'masyarakat web' untuk kira-kira 100,000 penduduk di dalam Parlimen Bukit Bendera.

Sementara itu, Ahli Parlimen Bayan Baru, Wong Kam Hoong pula melahirkan keazamannya untuk memberikan sepenuh komitmen terhadap tugas baru yang disandangnya sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Sehubungan itu, Wong tidak menafikan pelantikan itu sebagai satu tanggungjawab yang besar kepadanya kerana setiap keputusan kementerian itu membabitkan segenap lapisan masyarakat.

Bagaimanapun, beliau yakin perkara itu boleh ditangani dengan berkesan kerana beliau mempunyai hubungan kerjasama yang erat dengan beberapa badan bukan kerajaan (NGO), termasuk Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP).

"Saya bersara sebagai akauntan bertauliah untuk memberikan sepenuh perhatian dalam bidang politik bagi membolehkan saya memberi sumbangan lebih berkesan kepada pembangunan negara," katanya.

(END)